

Sarang burung walet dekat kedai makan

Penduduk Taman Dahlia tidak tahan bau busuk, anjing berkeliaran

SALAK TINGGI: Bunyi bising, bau busuk selain dikejar anjing...itulah yang sering dialami mereka yang berkunjung ke kawasan perumahan Taman Dahlia, Salak Tinggi, di sini, terutama yang mahu ke restoran dan kedai berdekatan.

La kerana premis kosong di situ dijadikan sarang burung walet yang turut 'dijaga' anjing yang dipercayai untuk mengawal sarang burung berkenaan.

Berikutan itu, rumah kedai dua tingkat di situ kelihatan tidak terurus, selain anjing yang tidak diketahui sama ada liar atau ada pemilik didakwa sering mengganggu orang ramai yang lalu lajang.

Kesulitan itu dialami beberapa pengunjung premis makanan dan kedai berhampiran. Mereka juga mendakwa persekitaran kawasan itu kini kotor dengan najis burung dan anjing yang dilepaskan berkeliaran.

Difahamkan, aktiviti sarang burung walet itu tidak sepatutnya diusahakan di kawasan orang ramai terutama berdekatan premis makanan dan kawasan perumahan, namun tiada pemantauan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) menyebabkan aktiviti itu dilakukan secara berleluasa.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Ramli mahu pihak berkuasa mengambil tindakan supaya kawasan persekitaran tidak



DERETAN bangunan kedai yang kebanyakannya kosong di Jalan 4/1, Taman Dahlia, Salak Tinggi dijadikan tempat perusahaan burung walet.

terjejas selain memastikan usaha sarang burung itu mempunyai kebenaran.

"Aktiviti sarang burung walet sepatutnya perlu sesuai dengan lokasi. Sarang burung walet bukan saja menyebabkan bunyi bising, malah bau busuk.

"Berikutan kawasan persekitaran yang terjejas, saya jarang bertandang ke lokasi berkenaan untuk makan kerana sangat tidak sesuai dan jarak antara bangunan (yang

dijadikan sarang burung) dan kedai makan sangat dekat," katanya ketika ditemui, di sini.

Rakannya, Saiful Ikhwan, 30, berkata beliau pernah dikejar anjing ketika melalui bangunan berkenaan untuk ke kedai makan sebelum dibantu beberapa penduduk di kawasan berkenaan.

"Saya tidak faham bagaimana sarang burung walet boleh diusahakan di kawasan seperti itu dan anjing dibiarkan tanpa pengawasan se-

hingga mengganggu orang ramai.

"Saya difahamkan, bangunan berkenaan sebelum ini kosong dan terbiar sejak sekian lama sebelum ada individu mengusahakan sarang burung walet di situ.

"Saya harap PBT tidak memandang ringan masalah yang dialami orang ramai terutama penduduk sekitar kerana ia membabitkan soal keselamatan dan kebersihan sekitarnya dibiarkan berlarutan," katanya.